

02/02/2000

MT mahu elak berpecah: Dr M

Wan Hazmir Bakar; R Magendran

SEPANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak berhasrat mengongkang proses pemilihan parti Mei ini, sebaliknya mahu mengelakkan pepecahan seperti yang berlaku pada 1987.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata berdasarkan pengalaman lalu, pertandingan biasanya cenderung membawa perpecahan dalam parti.

"Kalau siapa pun menang, ia cuma dapat separuh saja daripada sokongan. Ini bermakna semakin lama semakin terhakis kekuatan Umno. Yang kalah akan tarik diri, akan kecewa dan mungkin sokong parti lain.

"(Jadi) apa gunanya kita ada reformasi dalam Umno yang semakin lama semakin kecil dan tidak berkesan dalam politik negara," katanya ketika diminta mengulas gesaan sebilangan ahli supaya pemilihan parti Mei ini dilakukan secara terbuka.

Gesaan itu dibuat berikutan nasihat MT awal bulan lalu, agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sekembalinya dari bercuti selama tiga minggu di luar negara, Dr Mahathir berkata reformasi dalam parti tidak membawa erti jika ia hanya menghancurkan Umno.

"Jika reformasi bermakna kita harus hancurkan Umno supaya ada banyak parti lain ditubuh... kalau itu yang dikehendaki ahli, MT tak boleh buat apa-apa," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini ramai ahli Umno yang berhasrat menjadi pemimpin, lebih mengutamakan diri daripada kepentingan parti dan akan kecewa apabila kalah sehingga bertindak menentang Umno dari luar.

Katanya, perkara sedemikian juga berlaku pada peringkat bahagian sehingga dalam pilihan raya umum lalu, ramai ahli mengundi parti lawan semata-mata untuk melihat Umno kalah.

"Tak mungkin parti lawan menang dengan undi anggota parti mereka saja jika tidak kerana orang Umno sendiri... kerana kecewa itu dan ini, termasuk tidak dipilih menjadi calon," katanya.

Perdana Menteri berkata, Umno sudah lama memimpin negara dan yakin parti itu mampu membangunkan lagi Malaysia dan memberi kedudukan yang sepatutnya kepada orang Melayu dan Bumiputera lain.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa nasib orang Melayu masih belum terjamin dan mereka tidak seharusnya tergelincir daripada perjuangan sebenar.

"Kita belum lagi selamat, jika kita lebih utamakan diri sendiri bukan kepada bangsa, negara atau Umno, maka pencapaian kita setakat ini bukan saja terhenti tetapi hancur semula.

"Jangan fikir kita cukup kuat dan kita boleh buat apa saja sekarang... dan tak perlu lagi parti," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang penting ialah ahli Umno kembali berpegang kepada prinsip perjuangan parti, iaitu untuk mewakili orang Melayu dan Bumiputera lain, bukan kepada persoalan siapa yang patut menjadi pemimpin.

Katanya, kejayaan seseorang pemimpin tidak hanya bergantung kepada kebolehannya, tetapi sokongan padu setiap ahli parti yang dipimpinya.

"Kalau pemimpin yang dipilih itu tidak mempunyai kebolehan tetapi dia mendapat kesetiaan semua anggota parti, dia juga boleh berjaya," katanya.

Mengenai keperluan mewujudkan etika pemilihan bagi mengawal tingkah laku calon, Dr Mahathir berkata, tidak akan wujud masalah jika semua ahli mematuhi perlembagaan parti.

"Kalau semua anggota mengikut perlembagaan parti, tidak akan ada masalah

kerana semua orang menerima sama ada kalah atau menang. Tetapi ini bila bertanding, bila kalah kecewa, keluar parti dan buat parti lain," katanya.

Mengenai kecenderungan sesetengah pemimpin untuk bertanding secara berpasukan dalam perebutan jawatan, beliau berkata: "Biarlah MT membincang dan memutuskannya.

"Saya tak perlu beri pendapat saya kerana ia mungkin mempengaruhi pendapat orang lain."

(END)